

MINIT MESYUARAT AGUNG TAHUNAN 2013
PERSATUAN PUSTAKAWAN MALAYSIA

Tarikh: 29 April 2013 / 18 Jamadil Akhir 1434 (Isnin)
Masa: 9:15 pagi-1:00 tengahari
Tempat: Auditorium Yayasan Kepimpinan Perdana
No. 1, Jalan P8H, Precint 8
62250 WP Putrajaya

Kehadiran:

Seramai 166 orang telah hadir. Lihat senarai nama, mengikut turutan abjad pada Lampiran 1.

MAJLIS PERASMIAN – Rujuk Lampiran 2: Laporan Majlis Perasmian MAT 2013.

PERJALANAN MESYUARAT AGUNG TAHUNAN 2013

1. Ucapan alu-aluan YBr. Presiden PPM.

Prof. Madya Dr. Mohd. Sharif Mohd. Saad selaku Pengerusi Mesyuarat Agung Tahunan PPM 2013 mengucapkan salam dan selamat datang kepada semua ahli yang hadir. Kehadiran yang jelas melebihi korum adalah tanda penglibatan aktif ahli PPM yang sanggup melapangkan masa ke mesyuarat pada hari ini. Ucapan terima kasih juga kepada ahli yang telah menyampaikan pembatalan hadir dengan maaf kerana mesyuarat dan kursus lain yang tidak dapat dielakkan, termasuk tugas rasmi lawatan ke Pesta Buku Antarabangsa Kuala Lumpur yang sedang berlangsung sejak 26 April 2013. Presiden merakamkan terima kasih dan penghargaan kepada Yayasan Kepimpinan Perdana yang banyak membantu dalam menyediakan tempat dan menjayakan aturcara MAT tahun ini.

2. Membentangi serta mengesahkan Minit Mesyuarat Agung Tahunan PPM 2011/2012.

Minit MAT 2011/2012 yang diadakan pada 7 Mei 2012 telah dibentangi tanpa sebarang pindaan dicadangkan.

Minit diluluskan dengan cadangan Puan Habsah Abdul Rahman (P 228) dan disokong oleh Encik Japri Bujang Masli (P 812).

2.1 Perkara berbangkit

Pengerusi membentangi tindakan susulan terhadap cadangan dan usul MAT 2012, iaitu:

- i. **Kempen membaca kebangsaan** – Peruntukan diselesaikan dengan penganjuran 4 program literasi dan pembacaan—satu di setiap negeri Melaka, Negeri Sembilan, Terengganu dan Selangor. Laporan telah dihantar ke Kementerian Penerangan, Komunikasi dan Kebudayaan, serta sesalinan ke Perpustakaan Negara Malaysia.

- ii. **Pelaburan wang simpanan tetap PPM** – Sehingga 31 Disember 2012, sebanyak RM 400,000 telah dipindahkan dari Maybank ke skim al-Qiradh Bank Rakyat. Tambahan pelaburan simpanan tetap akan dilakukan.
- iii. **Pelan Induk Kepustakawanan Malaysia** – Surat berkaitan perkara ini telah diutus kepada Ketua Pengarah Perpustakaan Negara Malaysia. Jawapan PNM memaklumkan PPM akan dijemput ke mesyuarat berkaitan.
- iv. **Pelan Strategik PPM 2009-2013** – Pencapaian pelan ini untuk semakan 2012 telah dimuat naik ke portal PPM supaya semua jawatankuasa dan kumpulan boleh menyusun perancangan sejajar dengan pelan ini dan memberi perhatian kepada perkara-perkara penting seperti penerbitan standard dan garis panduan.
- v. **MAT 2012 meluluskan 5 usul** – Majlis telah mengambil perhatian dan tindakan terhadap usul-usul, dengan tajuk dan pencadangnya seperti berikut:
 - a. Memohon peruntukan tahunan dari Kementerian Penerangan, Komunikasi dan Kebudayaan – Hasbullah Atan (P 380).
 - b. PPM menyusun dan menyediakan strategi media – Mohammad Nazari Abdul Hamid (P 434).
 - c. Seminar separuh hari selepas MAT PPM – Rizalawati Ayu Abdul Razak (P 792).
 - d. Penyediaan garis panduan penggunaan kata nama pustakawan dan perlantikan ke jawatan tersebut – Habsah Abdul Rahman (P 228).
 - e. PPM mengemukakan kertas cadangan diwujudkan akta untuk PPM diberi kuasa mengawal selia profesion dan amalan kepustakawanan – Balqis Suja' (P 433).

Untuk pemantapan, Pengerusi mengalu-alukan penglibatan sukarela ahli dan pihak yang berminat bagi membentuk pasukan media; serta menghidupkan semula Jawatankuasa Mengkaji Pengwujudan Akta Pustakawan yang pernah ditubuhkan pada tahun 2004 dan dipengerusikan oleh Puan Rashidah Begum.

Pembentangan telah dipersetujui untuk diterima pakai.

3. Menerima serta menimbang Laporan Tahunan PPM 2012/2013.

3.1 Laporan majlis

Presiden / Pengerusi telah membentangkan laporan majlis bagi tempoh 7 Mei 2012 hingga 21 April 2013. Beberapa perkara dicatatkan dalam tempoh laporan.

3.1.1 Sebanyak 9 mesyuarat majlis dan 19 mesyuarat jawatankuasa telah diadakan.

3.1.2 **Majlis PPM sesi 2012-2014** adalah seperti berikut:

<i>Presiden:</i>	Prof. Madya Dr. Mohd. Sharif Mohd. Saad
<i>Naib Presiden 1:</i>	Puan Maimunah Kadir
<i>Naib Presiden 2:</i>	Dr. Nor Edzan binti Che Nasir
<i>Setiausaha Kehormat:</i>	Puan Balqis Suja'
<i>Bendahari Kehormat:</i>	Cik Rohaya Umar
<i>Pen. Setiausaha Kehormat:</i>	Encik Kamal Sujak
<i>Pen. Bendahari Kehormat:</i>	Encik Azlan bin Mohamad Hamzah
Ahli Majlis yang dipilih:	
<i>Ahli Majlis:</i>	Puan Hasnita Ibrahim
<i>Ahli Majlis:</i>	Encik Mohd. Zaihan Hussin
<i>Ahli Majlis:</i>	Dr. Zahidi bin Dato' Zainol Rashid
Ahli Majlis yang dilantik mengikut perlembagaan PPM:	
<i>Mantan Presiden Terkini:</i>	Dato' Raslin bin Abu Bakar
<i>Ahli Majlis:</i>	Dr. Wan Ali bin Wan Mamat
<i>Ahli Majlis:</i>	Puan Siti Sumaizan Ramli
<i>Ahli Majlis:</i>	Puan Fatimah Syam @ Nor Azleen Abd. Ghani (23 Jan. 2013-)

- 3.1.3 Keseluruhan **ahli semasa 2012** ialah 532 ahli berbanding dengan 340 pada 2011.
- 3.1.4 PPM merakamkan terima kasih kepada Perpustakaan Negara Malaysia kerana masih membenarkan **Pejabat PPM** beroperasi di bangunannya.
- 3.1.5 **Sekretariat PPM** dikendalikan oleh seorang staf, dengan kekosongan pada Julai-Ogos 2012.
- 3.1.6 **Sanggar Kerja Tahunan PPM** telah diadakan pada 19-20 Januari 2013 (Sabtu-Ahad) dan dihadiri oleh Majlis, Pengerusi jawatankuasa dan kumpulan, dan beberapa mantan Presiden.
- 3.1.7 Perlantikan Pengerusi jawatankuasa tetap, jawatankuasa khusus, jawatankuasa kecil dan sementara, serta kumpulan PPM telah dijalankan.
- 3.1.8 **Seksyen peraturan-peraturan PPM** iaitu Prosedur Kewangan, Prosedur Penganjuran Aktiviti dan Prosedur Pendaftaran Keahlian melalui semakan semula.
- 3.1.9 **Jalinan hubungan** dengan organisasi kebangsaan, serantau dan antarabangsa:
- IFLA – Secara automatik, PPM berdaftar dalam *Management of Library Associations Section* dan *Asia and Oceania Section*. Bagi pilihan dua seksyen percuma, PPM menganggotai seksyen *Education and Training* dan *Literacy and Reading*.
 - 2 ahli ex-officio dalam CONSAL XV Executive Board
 - Wakil PPM dalam 9 pihak berkuasa / Lembaga Perbadanan Perpustakaan Awam Negeri;
 - Seorang wakil dalam Jawatankuasa Penasihat Kurikulum Fakulti Pengajian Maklumat UiTM
- 3.1.10 Majlis berjaya melaksanakan 4 inisiatif **sokongan pandangan dan nasihat**:

- i. Sokongan kepada IFLA terhadap Library Statements on Trans-Pacific Partnership Agreement Negotiations, berkaitan bantahan terhadap TPPA yang tidak telus
- ii. Jawapan balas melalui surat kepada akhbar (BH 24 Julai 2012) berjudul *Pustakawan bina masyarakat bermaklumat*
- iii. Maklumbalas rasmi kepada YAB Menteri terhadap Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia 2013-2025
- iv. Surat kepada akhbar berkaitan Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia 2013-2025, disiarkan oleh Berita Harian 10 Januari 2013.

3.1.11 Menganjurkan 9 aktiviti latihan, kursus dan lawatan belajar:

- i. Pakej ke CONSAL XV di Bali (28 Mei-1 Jun 2012)
- ii. Kursus Lanjutan Pembantu Perpustakaan / Pusat Maklumat (3-6 September 2012)
- iii. Kursus Kemahiran Akses dan Penilaian Maklumat (16-17 Oktober 2012)
- iv. Course on Basic Finance for Librarians (7 November 2012)
- v. Lawatan Penandaarasan ke Hong Kong (27-30 Januari 2013)
- vi. Seminar Library Technology Update (19 Februari 2013)
- vii. Creative & Critical Thinking Skills (19-20 Februari 2013)
- viii. Kursus Asas Pembantu Perpustakaan / Pusat Maklumat (18-21 Mac 2013)
- ix. Communication Excellence for Library & Information Services (3-4 April 2013)
- x. Pakej PPM ke London Book Fair (14-19 April 2013 – Dibatalkan)

3.1.12 PPM konsisten menerbitkan jurnalnya, melalui penerbitan **Jurnal PPM** Jilid 6, 2012. Penerbitan berkala lain ialah Berita PPM dengan isu terkininya, **Berita PPM, Jun-Dis 2012**.

3.1.13 Satu **penerbitan tidak berkala**, iaitu Prosiding Seminar Kebangsaan Perpustakaan Akademik 2011 telah diterbitkan secara elektronik dan dimuatnaik ke portal PPM.

3.1.14 Menganjurkan satu **aktiviti kemasyarakatan berkaitan literasi dan pembacaan**, iaitu Program Literasi Maklumat (2-4 November 2012) di SM Dato' Manan, Tanjung Karang, disertai 6 buah sekolah.

3.1.15 Menganjurkan 2 **aktiviti amal** untuk komuniti pustakawan:

- i. Satu jamuan makan malam meraikan delegasi Hong Kong Library Association (6-9 Jun 2012)
- ii. Profesional Lecture siri 1: "Academic Library Cooperation in Hong Kong" dan "E-Learning and the Library at Hong Kong University" (8 Jun 2012, di UiTM).

3.1.16 Aktiviti dalam tindakan dan cadangan turut dilaporkan bagi memaklumkan keputusan yang telah diambil PPM berkaitan program dan aktiviti.

Laporan dipersetujui untuk diterima pakai.

3.2 Laporan Pelan Strategik 2009-2013

Laporan pencapaian telah disampaikan oleh Naib Presiden 1. Aktiviti yang sudah dilaksanakan bagi memenuhi program pelan ini sentiasa dikemaskini senarainya. Penerbitan garis panduan dan standard perlu dipercepatkan pelaksanaannya kerana tempoh pelan ini akan berakhir tahun ini.

Laporan dipersetujui untuk diterima pakai.

3.3 Laporan aktiviti jawatankuasa dan kumpulan

Laporan 14 jawatankuasa dan 5 kumpulan telah disampaikan oleh Naib Presiden 2. Laporan daripada pengerusi masing-masing ialah:

- A. Jawatankuasa Tetap
- i. Jawatankuasa Tetap Perpustakaan Akademik: Encik Noor Hidayat bin Adnan
 - ii. Jawatankuasa Tetap Perpustakaan Khusus: Puan Hasnita Ibrahim
 - iii. Jawatankuasa Tetap Perpustakaan Awam: Puan Shukriah Haji Yon
 - iv. Jawatankuasa Tetap Perkhidmatan Perpustakaan Kepada Golongan Khas: Puan Habsah Abdul Rahman
 - v. Jawatankuasa Tetap Penerbitan Berita PPM: Puan Siti Sumaizan Ramli
 - vi. Jawatankuasa Tetap Penerbitan Jurnal PPM: Dr. Nor Edzan Che Nasir
 - vii. Jawatankuasa Tetap Teknologi Maklumat: Encik Azahar Mohd. Nor
 - viii. Jawatankuasa Tetap Promosi dan Keahlian: Encik Mohd Zaihan Hussin
- B. Jawatankuasa Khusus
- i. Jawatankuasa Kumpulan Perpustakaan Perubatan: YM Puan Engku Razifah Engku Chik
 - ii. JK Kumpulan Perpustakaan Undang-undang: Puan Ratnawati Sari Mohd Amin
 - iii. Jawatankuasa Kumpulan Perpustakaan Islam: Dr. Wan Ali Wan Mamat
- C. Jawatankuasa Kecil dan Sementara
- i. Jawatankuasa Kecil Bangunan PPM: En. Kamal Sujak
 - ii. Jawatankuasa Anugerah PPM: Dr. Nor Edzan Che Nasir
 - iii. Jawatankuasa Kecil Pelaburan: Cik Kalsom Sharif
- D. Kumpulan PPM
- i. PPM Kumpulan Sabah: Encik Zawawi Tiyunin
 - ii. PPM Kumpulan Sarawak: Encik Japri Bujang Masli
 - iii. PPM Kumpulan Utara: En. Salleh Hudin Mustaffa
 - iv. PPM Kumpulan Selatan: Puan Noraziah Sharudin
 - v. PPM Kumpulan Timur: Puan Rohani Othman

3.3.1 Jawatankuasa dan kumpulan telah melaksanakan pelbagai aktiviti, antaranya seperti berikut:

Seminar dan latihan	Lawatan	Penerbitan tidak tetap	Kemasyarakatan
1. Perancangan Seminar Kebangsaan Pustakawan Malaysia 2013;	1. Lawatan penandaarasan i. 16 Jun 2012, ke Bank Negara;	1. SLib Links (2012)	1. Literasi Jawi Braille dan Bacaan Qur'an Braille (Mac 2012-)
2. Forum Transformasi literasi (3 Okt. 2012);	ii. 28 Nov.-1 Dis. 2012, ke utara;		2. Khidmat amal perpustakaan (Mac 2013, di Sabah)
3. Bengkel Literasi Maklumat (9-11 April 2013);	iii. 14 Mac 2013, ke MARDI;		3. Jemputan pameran (18-21 Mac 2013, di Sabah)
4. Ceramah Pelupusan Sumber Perpustakaan (1 Nov. 2012, sempena mesyuarat);	iv. 4-7 April 2013, ke Thailand Knowledge Park;		4. Membina sudut

<p>5. Bengkel Pengkatalogan Buku-buku Arab Bagi Pembantu Perpustakaan (23-24 Mei 2012);</p> <p>6. Bengkel Jurnal Terindeks dan Berimpak Tinggi (12-13 Jun 2012);</p> <p>7. Ceramah Perkongsian Ilmu Perpustakaan Indonesia-Sarawak (18 Februari 2013);</p> <p>8. Seminar Transformasi Minda (14 Mei 2012);</p> <p>9. Penganjuran bersama "International Conference on Libraries" (2-4 Jul. 2012)</p>	<p>2.Lawatan sempena mesyuarat</p> <p>i. 14 Mei 2012, ke Sabah</p> <p>ii. 18 Jun 2012, ke MMU Melaka</p> <p>iii. 1 Nov. 2012, ke IIUM (ISTAC Branch)</p>	<p>bacaan (24 Jan. 2013 & 31 Mac 2013, di Sarawak)</p> <p>5. Membina sumbangan koleksi (7 Mac 2013- , di Sarawak)</p>
--	--	---

3.3.2 Selain kegiatan, laporan jawatankuasa dan kumpulan turut memasukkan perancangan bagi tujuan pemakluman kepada ahli.

Laporan dipersetujui untuk diterima pakai.

4 Menerima serta menimbangkan penyata kira-kira 2012.

Penyata kira-kira PPM yang telah diaudit bagi Tahun berakhir 31 Disember 2012 telah dibentangkan oleh Bendahari. PPM memperoleh peningkatan lebih pendapatan RM 124,334.83 berbanding RM 121,209.37 (2011), sungguhpun perbelanjaan meningkat kepada RM 442,805.77 berbanding RM 84,676.68 (2011). Aset semasa bersih berjumlah RM 1,651,464.92 berbanding RM 1,517,930.09 (2011), sementara jumlah aset meningkat daripada RM 1,815,762.49 (2011) kepada RM 1,940,097.32.

4.1 Perbincangan ke atas laporan kewangan.

Pengerusi menjelaskan PPM mendapatkan khidmat firma juruaudit professional yang baru, Azman Ahmad & Co. dengan yuran perkhidmatan yang lebih rendah.

Penyata tahunan termasuk penyata kira-kiranya diluluskan dan diterima pakai dengan cadangan oleh Puan Chin Loy Jyoon (P 630) dan disokong oleh Puan Faridah Md. Amin (P 609).

5 Menerima serta menimbangkan cadangan usul.

5.1 Pengerusi telah membentangkan satu-satunya kertas usul yang dikemukakan, bertarikh 5 April 2013, daripada Encik Kamal Sujak, Ahli Majlis PPM merangkap Pengerusi Jawatankuasa Kecil Bangunan. Tajuk usul: Penjualan Bangunan PPM di Shah Alam dan Pembelian Bangunan Baru.

5.1.1 Perbahasan telah menyusul termasuklah isu spesifikasi bangunan, cara penjualan, asas harga, masa pembelian dan jenis bangunan yang hendak dibeli untuk menghasilkan pulangan yang terbaik.

5.1.2 Undian telah dibuat dan Pengerusi mengishtiharkan usul diterima. Adalah diputuskan bahawa PPM:

- i. Boleh menjual bangunan sedia ada di Shah Alam dengan harga minimum RM 700,000;
- ii. Satu jawatankuasa dibentuk oleh Majlis untuk menentukan dan menghalusi tatacara penjualan dan pembelian;
- iii. Jawatankuasa diberi kuasa memuktamadkan penjualan;
- iv. Jawatankuasa diberi mandat mengenal pasti dan memuktamadkan pembelian satu bangunan ganti tidak melebihi RM 1.9 juta.

6 Melantik seorang atau lebih juruaudit kehormat.

MAT memutuskan melantik semula kedua-dua juruaudit kehormat, Puan Faridah Talib (P 1434) dan Puan Khasiah Zakaria (P 0796) melalui cadangan oleh Puan Norma Abu Seman (L 045) dan disokong oleh Puan Hashimah Mohd. Yusoff (P 470).

7 Hal-hal lain


7.1 **Aktiviti pelaburan PPM** – Encik Mohammad Nazari Abdul Hamid (P 434) mengucapkan tahniah atas aktiviti pelaburan PPM dan mencadangkan PPM berusaha mendapatkan nilai pulangan yang lebih tinggi.

Mesyuarat mengambil perhatian mengenai perkara ini. Pelaburan dijalankan melalui Jawatankuasa Kecil Pelaburan yang sentiasa meninjau peluang-peluang pelaburan yang boleh memberi pulangan lebih tinggi tetapi berpandukan prinsip 'Prudent', termasuk menggunakan pelaburan melalui penama atau pemegang amanah. Walau bagaimanapun, Mesyuarat dimaklumkan pelaburan tunai menggunakan nama individu walau pun boleh memberi pulangan lebih tinggi tidak menjadi dasar pelaburan PPM.

8 Ucapan penangguhan


Pengerusi mengucapkan terima kasih kepada semua yang hadir dan mengharapkan kehadiran yang lebih baik pada mesyuarat akan datang sempena tahun pemilihan PPM. Majlis bersurai pada jam 1:15 petang, diikuti dengan jamuan makan tengahari.

Disediakan oleh:



BALQIS BINTI SUJA'
Setiasusaha Kehormat PPM

Saya mengesahkan minit ini sebagai rekod sebenar Mesyuarat Agung Tahunan Persatuan Pustakawan Malaysia yang telah diadakan pada 29 April 2013.



MOHD. SHARIF MOHD SAAD, Prof. Madya Dr.
Presiden PPM

24 Mei 2013

Mesyuarat Agung Tahunan 2013
Persatuan Pustakawan Malaysia

SENARAI KEHADIRAN

Ahli seumur hidup dan ahli profesional			
No.	Nama	No. ahli	Organisasi
1.	A. Azli Abd Rahim	P 0700	Perpustakaan Negara Malaysia
2.	Adnan Rizal b. Haris @ Harib	P 1355	Yayasan Kepimpinan Perdana
3.	Ahmad Abdul Wafi b. Abd.Karim	P 1245	Perpustakaan Jeneral Tun Ibrahim, UPM
4.	Ahmad Nadzri Mohamad	P 1549	UiTM
5.	Ainul Akmal bt. Marzuki	P 1399	Cyberjaya University College of Medical Sciences
6.	Arinawati Ayob	P 0849	Perpustakaan Hamzah Sendut, USM
7.	Aripah Mohamad	P 0266	Perpustakaan Tun Sri Lanang UKM
8.	Azahar bin Mohd Noor	P 1432	YKP / Pusat Sumber PETRONAS
9.	Azian Edawati Zakaria	P 0824	Perpustakaan UPM
10.	Azizah Zainal Abidin	P 0441	Perpustakaan UPM
11.	Azlan Mohamad Hamzah	P 0821	Perpustakaan Tun Sri Lanang UKM
12.	Azman bin Abdul Rahim	P 0757	Library, UNITAR International University
13.	Azrizal bin Ismail	P 1510	Perpustakaan Universiti Malaya
14.	Azwana Ab. Rahman	P 0826	Perpustakaan Sultan Abdul Samad, UPM
15.	Balqis binti Suja'	P 0415	Ahli Majlis /Universiti Islam Antarabangsa Malaysia
16.	Che Hasnah Ab. Ghani	P 0662	Perpustakaan USM
17.	Chew Wing Foong	L 049	Pesara
18.	Chin Loy Jyoon	P 0630	Perpustakaan Negara Malaysia
19.	Engku Razifah Engku Chik	P 0522	Perpustakaan USM
20.	Farid Wajdi b. Mohd Nor	P 1618	Perpustakaan UNISEL
21.	Faridah Md. Amin, Hajah	P 1434	Perpustakaan Universiti Teknikal Malaysia (UTEM)
22.	Faridah Muda	P 0609	Perpustakaan Universiti Sultan Zainal Abidin (UNIS)
23.	Faridah binti Talib	P 1104	Perpustakaan Universiti Teknologi MARA (UiTM)
24.	Fatimah binti Abdul Hai	P 0725	Kementerian Pertanian dan Industri Asas Tani

25.	Fatimah Syam@ Noor Azleen bte. A. Gani	P 0803	Ahli Majlis/ Pusat Sumber PETRONAS
26.	Fatimah Zahrah @ Aishah Amran	P 0539	Perpustakaan Sultan Abdul Samad, UPM
27.	Fuziah Mohd Nadzar, <i>Prof. Madya</i>	L 044	Fakulti Pengurusan Maklumat, UiTM
28.	Habsah Abdul Rahman	P 0228	Pengerusi JK / Perpustakaan USM
29.	Hanani Fauzi	P 1357	Perpustakaan Universiti Malaya
30.	Hasbullah Atan	P 0380	Perpustakaan Al-Bukhary International University
31.	Hashimah Mohd. Yusoff	P 0470	Pusat Sitasi Malaysia, Jabatan Pengajian Tinggi
32.	Hashimi bin Hassan	P 1144	Perbadanan Perpustakaan Awam Kedah
33.	Haslina Abu Seman	P 0618	Perpustakaan Sultan Abdul Samad UPM
34.	Haslina Othman	P 0561	Perpustakaan Universiti Teknologi Malaysia
35.	Hasnita Hj. Ibrahim	P 0619	Ahli Majlis / Perpustakaan BERNAMA
36.	Hawa Abdul Majid	P 0189	Perpustakaan Sultan Abdul Samad UPM
37.	Hikmah Hassan	P 1353	Perbadanan Perpustakaan Awam Selangor
38.	Ily Aliah Ismail	P 1554	Knowledge Centre, Malaysian Insurance Institute
39.	Japri Bujang Masli	P 0812	Pengerusi Kumpulan / Pustaka Negeri Sarawak
40.	Juhaida Abd Rahim	P 0854	Perpustakaan Universiti Malaya
41.	Kamal bin Sujak	P 1237	Ahli Majlis / Perpustakaan Universiti Multimedia
42.	Kamariah Nor Mohd Desa	P 0316	Perpustakaan Universiti Teknologi Malaysia
43.	Khairun Nisa Kamal	P 1461	Yayasan Kepimpinan Perdana
44.	Khasiah binti Zakaria	P 0796	Juruaudit / Perpustakaan Universiti Teknologi MARA
45.	Laili Ashikeen Awang Puteh	P 1431	Pusat Sumber PETRONAS
46.	Lisdar Abdul Wahid	P 0859	Perpustakaan Universiti Malaya
47.	Maimunah binti Kadir	L 045	Ahli Majlis / Perpustakaan Perdana University
48.	Marlina Jaafar	P 1476	Perpustakaan UNISZA
49.	Masfaliza Masmuda	P 0744	Perpustakaan BERNAMA
50.	Maziah Salleh	P 1519	Perpustakaan Universiti Malaya
51.	Mazyana Hashim	P 1163	Perpustakaan Sultanah Bahiyah UUM
52.	Md Hafiz Ahmad Zulkifli	P 1308	Perpustakaan UKM
53.	Md. Yazid Muji	P 1594	Perpustakaan UNITEN
54.	Mohamad Jefri Mohamed Fauzi	P 1516	Perpustakaan UPM
55.	Mohammad Nazari Abdul Hamid	P 0434	Perbadanan Perpustakaan Awam Negeri Perak
56.	Mohammed Dzulkarnain Abdul Karim	P 0728	Perpustakaan UPNM

57.	Mohammed Zaki Abd Rahman	P 1304	Perpustakaan Universiti Malaya
58.	Mohd Ariff Saifullah Abd Rahman	P 1634	SUHAKAM
59.	Mohd Dasuki Sahak	P 1452	Perpustakaan Sultan Abdul Samad, UPM
60.	Mohd Hanafi Mohamed	P 1617	Perpustakaan KUIS
61.	Mohd Kamil Abdullah	P 1443	Perpustakaan UMS
62.	Mohd Nor Ahmad	P 0711	Perpustakaan Universiti Utara Malaysia
63.	Mohd Shahar Saad	P 0412	Perpustakaan MARDI
64.	Mohd. Fazli Baharuddin	P 1517	Fakulti Pengajian Maklumat, UiTM
65.	Mohd. Hazare b. Zakaria	P 1368	Perbadanan Perpustakaan Awam Kedah
66.	Mohd. Hiezam bin Hashim	P 0710	Pusat Dokumentasi Melayu, DBP
67.	Mohd. Sharif Mohd. Saad, <i>Prof. Madya D</i>	L 028	Ahli Majlis / Universiti Teknologi MARA
68.	Mohd. Zaihan Husin	P 1096	Ahli Majlis/ Universiti Teknologi MARA
69.	Najwah Abdul Halim	P 1539	Perpustakaan Universiti Multimedia
70.	Noor Anisah Khadiri	P 1261	Perpustakaan USM
71.	Noor Lela bt. Osman	P 0991	Perpustakaan Institut Kemajuan Desa (INFRA) Kementerian Kemajuan Luar Bandar & Wilayah
72.	Noor Sharieza binti Mohamad	P 1327	Ins. Penyelidikan Keselamatan Jalan Raya Malaysia
73.	Nor Azzah binti Momin	P 0654	Perpustakaan USIM
74.	Nor Edzan binti Che' Nasir, <i>Dr.</i>	P 0504	Ahli Majlis / Universiti Malaya
75.	Nor Hayati bt Yusof	P 0931	Perbadanan Perpustakaan Awam Pulau Pinang
76.	Noraida bt. Zakaria	P 1637	Cyberjaya University College of Medical Sciences
77.	Noraini Mukhtar	P 0739	Perpustakaan UIAM
78.	Norasiah Hj. Harun, <i>Dr.</i>	P 0436	FPM, UiTM
79.	Noraziah bt. Sharuddin	P 0506	Perpustakaan UTM
80.	Norbaizura Haji Malek	P 0761	Perpustakaan Tun Sri Lanang UKM
81.	Norhafidah Ehawan	P 0882	Perbadanan Perpustakaan Awam Selangor
82.	Norishah Mat Din	P 0742	Twintech International University College of Techn
83.	Norlina bt. Ahmad	P 0714	Perbadanan Perpustakaan Awam Pulau Pinang
84.	Norma Abu Seman	L022	Pustakawan sambilan
85.	Norma bt. Abdullah @ Omar	P 0766	Perbadanan Perpustakaan Awam Pulau Pinang
86.	Nur Obaidah binti Abidin	P 1412	Perpustakaan Negara Malaysia
87.	Nurusy Syahidah Shamsudin	P 1607	Perpustakaan UIAM
88.	Rahimah Hj. Ahmad	P 0088	PNM / RTM

89.	Ramlah Haji Khalid	P 0657	Pesara UKM
90.	Ratnawati Sari Mohamad Amin	P 1074	Perpustakaan UM
91.	Rizalawati Ayu Abdul Razak	P 0792	Perpustakaan Hamzah Sendut, USM
92.	Rohaidah bt. Sharif	P 1056	Perpustakaan Agensi Dadah Kebangsaan, KDN
93.	Rohani Othman	P 1107	Pengerusi Kumpulan / UNISZA
94.	Rohaya binti Umar	P 0651	Ahli Majlis / Universiti Kebangsaan Malaysia
95.	Rosnah Yusof	P 1068	Perpustakaan UKM
96.	Rugayah Ali	P 0661	Perpustakaan Hamdan Tahir, USM
97.	Roslin Muhiddin	P 0407	Malaysia Productivity Corporation
98.	Ruzilah binti Ehsan	P 0623	Perpustakaan Agensi Nuklear Malaysia
99.	Sabariah bt. Basir	P 0990	Universiti Malaya
100.	Sabrina Abd Rashid	P 1571	Perbadanan Perpustakaan Awam Pulau Pinang
101.	Salleh Hudin Mustaffa	P 0524	Pengerusi Kumpulan / Perpustakaan Sultanah Bahiyah UUM
102.	Salmah Abdullah	P 0691	PSAS, UPM
103.	Sarawati binti Sulong	P 1071	Universiti Malaysia Terengganu (UMT)
104.	Sayadek b. Sata	P 0558	Perpustakaan UIAM
105.	Shahril Effendi Ibrahim	P 1123	Open Universisty Malaysia (OUM)
106.	Shamsiah Abu Bakar	P 1619	Universiti Malaya
107.	Sharifah Akmal Syed Abd Rahman	P 1108	Universiti Malaysia Terengganu (UMT)
108.	Shukriah Haji Yon	P 1417	Pengerusi JK / PPA Pulau Pinang
109.	Siti Khabshah Masrom	P 1257	Universiti Multimedia
110.	Siti Masyitah Abu Bakar	P 1393	Perpustakaan UIAM
111.	Siti Noor Balqis binti Jamaludin	P 1401	Cyberjaya Univ. College of Medical Sciences (CUCM)
112.	Siti Nursafiyah Mazlan	P 1555	Knowledge Centre, The Malaysian Insurance Institut
113.	Siti Razimah binti Mohd Noor	P 0595	Perpustakaan Sultan Abdul Samad UPM
114.	Sofia Osman	P 0926	Perpustakaan Negara Malaysia
115.	Suhaimi Jamaludin	P 1085	Open Universisty Malaysia (OUM)
116.	Suraya bt. Ariffin	P 0913	Perbadanan Perpustakaan Awam Perak
117.	Ulya bt. Sujak	P 0972	Perpustakaan Universiti Malaya
118.	Wan Ali Wan Mamat, Dr.	P 0192	Ahli Majlis/Universiti Islam Antarabangsa Malaysia
119.	Wan Mazli Wan Razali	P 0814	Pustaka Negeri Sarawak

120.	Wan Noor Fadhliaon Wan Mohd Fauzai	P 1639	Universiti Kolej Bestari
121.	Yusliza bt. Jusoh	P 1343	Perpustakaan USM
122.	Zahidi bin Dato' Zainol Rashid, <i>Dr.</i>	P 0169	Ahli Majlis
123.	Zaidah Sulaiman	P 0598	Perpustakaan UKM
124.	Zarenah binti Wagino	P 0620	Perpustakaan UPM
125.	Zawawi Tiyunin	P 0780	Pengerusi Kumpulan PPM / perpustakaan UMS
126.	Zawiyah Baba, <i>Dato'</i>	L 035	Akademi Tamaddun Melayu, UKM
127.	Zuhanariah bt. Mohd Nordin	P 0544	International Medical University (IMU)

Ahli penuntut, institusi, dan gabungan (institusi dan individu)

128	Abd. Muhaimin Sabron	I 208	Perpustakaan UKM
129	Harizam Mahalil	A 797	Knowledge Centre, Malaysian Insurance Institute
130	Haslidah Jaafar	I 035	Pusat Sumber MIDA
131	Hasnita Jaafar	I 220	Lembaga Koko Malaysia
132	Hidayati Haron	I 192	Perdana Leadership Foundation
133	Izza Nur Inani	I 192	Yayasan Kepimpinan Perdana
134	Kamilia	I 220	Lembaga Koko Malaysia (LKM)
135	Leilatul Zuraidah bt. Sulaiman	I 133	ASTRO / MEASAT
136	Marlia Yuming	I 133	ASTRO / MEASAT
137	Ng Ching Guan	A 818	Access Dunia
138	Nor Diana Mohd Muhidin, <i>Datin</i>	I 122	NM 13 Sdn. Bhd.
139	Norhalim bin Mohd Nor	I139	International Medical University (IMU)
140	Norhana bt. Mohd Taha	I 190	Universiti Tun Abdul Razak (UNIRAZAK)
141	Nur Aisha bt. Abdul Hamid	I 143	Electric Library (M) Sdn. Bhd. (ABDA Computers Sdn. Bhd)
142	Nur Hazlina Abu Bakar	I 133	ASTRO / MEASAT
143	Patrick Koh	I 218	Excel Envirotech Resources
144	Rabeatul Adawiyah binti Mohd Khusaini	I 143	Electric Library (M) Sdn. Bhd. (ABDA Computers Sdn. Bhd)
145	Rabiatul Adilah Omar	I 192	Perdana Leadership Foundation
146	Rohana M.N.	I 144	BERNAMA
147	Roymax Sebastian	I 192	Yayasan Kepimpinan Perdana
148	Rumaizi bin Ahmad	A 628	Sek. Keb. Sijangkang Jaya

149	Shamsudin Nubi	I 168	VTLS Technologies Sdn. Bhd.
150	Siti Huszaidah Husin	I 107	Koperasi Kedaibuku Universiti Malaya Berhad (KKUM)
151	Susan Ooi	A 558	Access Dunia
152	Syahrulhaida Yahya	I 097	Pusat Maklumat Sawit, Lembaga Minyak Sawit Malaysia (MPOB)
153	Syed Najihuddin Syed Hassan	A 814	USIM
154	Wan Ahmad Hanis bin Wan Yahya	A 811	Ahli pelajar FPM, UiTM Kedah
155	Wan Rohani Wan Chik	I 190	Universiti Antarabangsa Tun Abdul Razak (UNIRAZA)
156	Yusnita Sodimin	I 097	Pusat Maklumat Sawit, Lembaga Minyak Sawit Malaysia (MPOB)
157	Zahari bin Mat Zin	I 220	Lembaga Koko Malaysia
Pemerhati			
158	Lois Chaw	-	Wiserf Technologies
159	Mohd Faizam bin Hashim	-	Wiserf Technologies
160	Nurul Iqtiani Ahmad	-	Persatuan Pustakawan Malaysia
161	Nur Zafirah Midun	-	Penerima anugerah (UiTM)
162	Sarjit Kaur	-	Emerald Group Pub. Ltd. (Malaysia)
163	Syazana Zainuddin	-	Penerima anugerah (UIAM)
164	Nurul Izzati Basir	-	Portman College
165	Noorsuzila Mohamad	-	Universiti Malaya
166	Siti Noriszarina Mohd Ibrahim	-	Multimedia College
Tidak hadir dengan kenyataan			
1	Raslin bin Abu Bakar, <i>Dato'</i>		Ahli Majlis / Perpustakaan Negara Malaysia
2	Siti Sumaizan binti Ramli		Ahli Majlis / Perpustakaan UPSI

MAJLIS PERASMIAN MESYUARAT AGUNG TAHUNAN 2013

A. Ucapan alu-aluan oleh Presiden PPM

1. Presiden PPM, Prof. Madya Dr. Mohd. Sharif Mohd. Saad mengucapkan selamat datang dan mengalu-alukan kehadiran tetamu kehormat, Ms. Janet Ang Siew Cheng FCIS yang telah sudi menerima jemputan PPM, serta semua hadirin ke upacara perasmian Mesyuarat Agung Tahunan (MAT) PPM kali ke-57. Beliau mengucapkan terima kasih kepada semua yang menghulur khidmat dan meluangkan masa, terutamanya pengurusan Yayasan Kepimpinan Perdana yang telah bermurah hati membenarkan PPM menggunakan auditorium dan segala kemudahannya, serta mengizinkan penglibatan En. Azahar Mohd. Noor dan En. Adnan Rizal Haris dalam urusan penganjuran mesyuarat agung ini.
2. PPM juga berbesar hati atas kesudian Yayasan Kepimpinan Perdana menjadi penganjur bersama untuk seminar setengah hari “Seminar Amalan Terbaik Perkhidmatan Perpustakaan 2013” yang akan berlangsung pada sebelah tengahari. Seminar ini memberi peluang perpustakaan-perpustakaan yang pernah memenangi Anugerah Perpustakaan Cemerlang 2009 memperkenalkan kemenangan mereka dan sorotan selepas anugerah. PPM mengucapkan terima kasih di atas kesudian pembentang berikut:
 - i. En. Nurhazman Abdul Aziz – Swets (Singapore): *Harvesting Scholarly Communication using Mendeley*
 - ii. Puan Kamariah Noor Mohd. Desa – Ketua Pustakawan UTM
 - iii. Encik Japri Bujang Masli – Pemangku Ketua Pegawai Operasi Pustaka Sarawak
 - iv. Puan Hasnita Ibrahim – Pengurus Perpustakaan & InfoLib BERNAMA
 - v. Encik Azahar Mohd Noor – PETRONAS Resource Centre / PLF
3. Acara MAT ini turut dimeriahkan dengan pameran produk perpustakaan oleh empat pembekal iaitu Access Dunia, Wiserf Technologies, Excel Envirotech Resources, dan Emerald Group.
4. Majlis PPM 2012/2014 disertai oleh empat muka baru bagi mengekalkan gabungan baru dan lama agar pentadbiran PPM berjalan baik dan lancar. PPM terus berupaya menganjurkan kursus, pakej lawatan ke luar negara, lawatan penandaarasan dan seminar dengan kerjasama perpustakaan-perpustakaan di Malaysia. Dalam lawatan balas pada Januari 2013 terhadap kunjungan Hong Kong Library Association pada 6-8 Jun 2012, PPM mengusahakan latihan sangkut di Hong Kong dan berharap dapat melaksanakannya pada akhir 2013 atau awal 2014.
5. Sanggar Kerja Tahunan 2013 telah dilaksanakan pada bulan Januari sebagai sebahagian daripada program pengurusan dan penyelarasan PPM. PPM telah menjadi organisasi yang semakin besar dengan penambahan ahli yang menggalakkan. Untuk meningkatkan penghayatan ahli, media sosial dan pengkalan data ahli diuruskan oleh pasukan muda dalam PPM.

B. Ucaptama sempena mesyuarat agung

6. Buat kesekian kalinya, PPM meneruskan tradisi mengundang tokoh penting dalam negara untuk menyampaikan ucapnama sempena MAT. Tahun ini, PPM mengundang kepimpinan tinggi sebuah badan profesional iaitu Chartered Secretaries Malaysia (MAICSA), atau The Malaysian Institute of Chartered Secretaries and Administrators. Undangan telah dipenuhi oleh Mantan Presiden 2009-2011 dan Ahli Majlis semasa, Ms. Janet Ang Siew Cheng FCIS.

Ms. Janet telah berkongsi pengalaman penubuhan MAICSA bermula pada tahun 1959 dan amalan-amalan terbaik dalam mengurus dan menempatkan MAICSA kepada profail semasa sebagai badan tadbir urus profesional ulung dalam penggalakan tata kelola korporat yang baik dan tata amalan terbaik organisasi. Kemampuan bertahan dan mengekalkan keadaan relevan diketengahkan dengan kepercayaan MAICSA terhadap ciri-ciri sebuah badan peneraju ulung melalui topik kecil “11 vital characteristics of a premier organisation”. Nota utama tersebut berguna sebagai panduan hala tuju menjadikan PPM suatu ‘learning organisation’ dan sebagaimana MAICSA, iaitu sebagai satu ‘brand’ dan bukan komoditi.

C. Penyampaian anugerah pingat dan sijil penghargaan

7. Tetamu utama, Ms. Janet Ang telah sudi menyampaikan anugerah lulusan cemerlang 2012 berikut:
 - i. Pingat Emas Pelajar Terbaik Program Sarjana Muda Sains Perpustakaan—UiTM
Pemenang: Norzafirah Midun
 - ii. Pingat Emas Pelajar Terbaik Program Sarjana Sains Perpustakaan—IIUM
Pemenang: Syazana Zainuddin
 - iii. Pingat Emas Tesis Terbaik Program Pasca Ijazah Sains Perpustakaan—UM
Pemenang: Rizalawati Ayu Abdul Razak
8. Penyampaian sijil penghargaan khidmat PPM 2012 kepada Ahli Majlis PPM, pengerusi semua jawatankuasa dan kumpulan serta ahlinya, juruaudit kehormat dan pasukan portal telah disampaikan oleh Presiden PPM.
9. Majlis perasmian tamat dengan lawatan ke pameran dan jamuan minum pagi.